

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MEI 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 28

**Pakar sedia bantu KL jadi hab pemula, digital serantau**

# Pakar sedia bantu KL jadi hab pemula, digital serantau

**Pakar** sedia bantu Malaysia merasasikan sasaran menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula dan industri digital serantau.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ketika penyertaannya di Forum Ekonomi Qatar minggu lalu, beliau berpeluang berkongsi pandangan dengan Jack Selby, veteran dalam pembangunan hab syarikat pemula.

Beliau berkata, Selby adalah Pengarah Urusan Thiel Capital dan pencetus Arizona Technology Innovation Summit, selain kakitangan terawal PayPal bersama kumpulan pengasas syarikat seperti Elon Musk, Peter Thiel dan Reid Hoffman.

Katanya, kumpulan pengasas PayPal ini menjadi tenaga utama yang menggerakkan industri digital dari Silicon Valley melalui pembabitan mereka dalam syarikat digital terkenal, antaranya seperti Tesla, SpaceX, YouTube, Facebook, LinkedIn dan OpenAI.

"Beliau melahirkan minat untuk membantu Malaysia merealisasikan sasaran yang telah saya gariskan bagi Kuala Lumpur sebagai hab startup dan industri digital serantau.

"Kepakaran Selby adalah unik kerana usahanya membangunkan Arizona sebagai pusat syarikat pemula baharu di luar Silicon Valley



Rafizi berkongsi pandangan dengan Selby semasa menghadiri Forum Ekonomi Qatar, minggu lalu.  
(Foto Rafizi Ramli)

yang kini semakin berjaya menarik syarikat pemula datang ke Arizona.

"Sudah tentu, pengalaman beliau di Arizona kita boleh gunakan untuk merangka dasar dan program bagi melonjakkan status Kuala Lumpur sebagai destinasi utama digital di rantau ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

### Business as usual

Rafizi berkata, beliau akan terus memaklumkan dari masa ke masa perkembangan usaha ekonomi digital ini.

"Saya percaya jika kita terus tidak bersikap *business as usual*, berfikir dan melaksana, hasil ekonomi yang lebih besar nilainya dapat dinikmati semua," katanya.

Rafizi menambah, ketika diberikan amanah menjaga portfolio

ekonomi, beliau menerima hakikat bahawa untuk melonjakkan nilai dan menstrukturkan semula ekonomi negara, setiap dasar, fokus atau pendekatan yang diambil Kerajaan Perpaduan tidak boleh bersifat *business as usual*.

Katanya, visi dan matlamat pembangunan ekonomi melihat ke masa depan perlu berani, berbeza dan mampu memberikan impak besar kepada negara dan rakyat tempatan.

"Sementara industri sedia ada perlu terus diberikan nilai tambah, saya juga sebelum ini telah menyentuh dan menyatakan rancangan untuk tiga sektor strategik seterusnya yang akan diberikan tumpuan iaitu peralihan tenaga kepada tenaga boleh baharu, keterjaminan makanan dan ekonomi digital," katanya.